

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah kemasukan pelancong ke Malaysia dalam tempoh suku ketiga tahun ini bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia hanya dapat memaklumkan data ketibaan pelancong asing bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 berdasarkan kepada data sedia ada yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Ketibaan pelancong asing bagi tempoh tersebut adalah seramai **13.87 juta** orang pelancong asing dengan peningkatan sebanyak **10.5 peratus** berbanding dengan **12.55 juta** orang pelancong asing bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Sekian, terima kasih.